

11 JANUARI 2018

Pengedar dadah dicekup bersama heroin, pil kuda

Pengedar dadah dicekup bersama heroin, pil kuda

BESUT - Seorang lelaki dipercayai pengedar dadah ditahan polis bersama heroin dan pil kuda di tepi jalan Kampung Kerandang, Kampung Raja di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Besut, Superintendan

Mohd. Zamri Mohd. Rowi berkata, pemuda berusia 26 tahun dari Kampung Gong Pasis, Jerteh itu dicekup sepasukan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Besut pada pukul 3 petang.

"Berlaku pergelutan

antara polis dan lelaki terbabit yang cuba melarikan diri sebelum berjaya diberkas.

"Hasil pemeriksaan di dalam beg silang berwarna hitam milik suspek, anggota polis menemui empat botol lut

sinar berisi serbuk putih disyaki dadah jenis heroin manakala satu lagi sebuah botol mengandungi 50 biji pil merah disyaki pil kuda," kata beliau dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut beliau, kese-

mua dadah tersebut bernilai RM2,100 selain rampasan wang tunai berjumlah RM500 serta dua buah motosikal jenis Honda EX5 dan Yamaha 125Z.

Katanya, hasil siasatan lanjut mendapati suspek terbabit positif dadah jenis

syabu tetapi suspek tidak mempunyai sebarang rekod jenayah lampau.

Kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 iaitu mengedar dan jika sabit kesalahan boleh dihukum gantung.